

**NO. SOALAN : 31**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [ SETIU ]**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah Kerajaan dalam mengatasi penerokaan dan penebangan hutan secara berleluasa yang mengakibatkan bencana buruk di negara ini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pembalakan dilaksanakan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran, Tanah Kerajaan dan Tanah Beri Milik. Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia hanya bertanggungjawab untuk memantau aktiviti pembalakan dalam HSK yang diurus mengikut amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management – SFM*) dan aktiviti ini dikawal dan dipantau rapi mengikut syarat-syarat dan SOP pengusahaan hutan sedia ada.

Di bawah amalan SFM, aktiviti pembalakan atau pengusahaan secara perolehan berkekalan dalam kawasan HSK dilaksanakan mengikut Sistem Pengurusan Tebangan Memilih (*Selective Management System - SMS*) dan dikawal melalui Catuan Tebangan Tahunan atau CTT yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara. Sehubungan itu, tidak akan timbul aktiviti pembalakan yang tidak terkawal kerana aktiviti tersebut dipantau rapi oleh Jabatan Perhutanan Negeri melalui pematuhan kepada CTT.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**  
**DARIPADA :** **YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**  
**KAWASAN :** **SETIU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah dalam mengatasi kemasukan kenderaan berat di lebuhraya ketika waktu puncak yang memberi risiko kepada pengguna jalan raya yang lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenderaan berat ialah antara mod pengangkutan penting untuk menjana sistem ekonomi negara. Peraturan-peraturan berkaitan pergerakan kenderaan, spesifikasi kenderaan dan muatan kenderaan itu telah diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada dan dikuatkuasakan oleh agensi-agensi terlibat, seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM).

Untuk mengelakkan kesesakan trafik dan atas faktor keselamatan, Kementerian Kerja Raya pada masa kini telah mewartakan perintah larangan kenderaan berat dari menggunakan laluan tertentu ke pusat bandar Kuala Lumpur pada waktu puncak hari bekerja. Perintah larangan tersebut melibatkan sebahagian laluan di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2) serta keseluruhan laluan Jambatan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada kenderaan-kenderaan berat yang membawa produk-produk kritikal dan memerlukan penghantaran segera atas faktor kepentingan awam, atau telah menerima kelulusan khas daripada Kerajaan.

Di samping itu kementerian ini telah menetapkan perintah larangan kepada kenderaan-kenderaan berat menggunakan lebuhraya semasa musim perayaan utama, iaitu Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Kementerian ini juga sedang mengkaji cadangan

untuk memperluaskan perintah larangan tersebut di lebuh raya utama tertentu untuk musim perayaan lain seperti perayaan Hari Raya Aidil Adha, sambutan Deepavali, Hari Wesak dan cuti-cutipanjang tertentu yang melibatkan pergerakan trafik yang tinggi dalam satu-satu masa. Cadangan tersebut kini sedang diperhalusi dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.